



NOTIS MAKLUMAN

PENUTUPAN SEMENTARA PREMIS, KAUNTER PUSAT DAN PUSAT PANGGILAN UTAMA LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM

Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) akan menutup sementara premis, Kaunter Pusat dan Pusat Panggilan Utama (03-8880 1600) bermula hari ini, Rabu, 6 Januari 2021 ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kelak untuk menjalankan proses disinfeksi dan sanitasi.

LPPSA juga telah mengambil langkah yang perlu untuk menjaga kesihatan dan keselamatan kakitangan dan orang ramai. LPPSA akan sentiasa mengikut garis panduan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan akan terus mengamalkan penjarakan fizikal serta SOP pencegahan yang lain untuk membendung penularan wabak Covid-19.

LPPSA akan beroperasi sepanjang tempoh penutupan tersebut di mana semua kakitangan LPPSA akan bekerja dari rumah.

Sehubungan itu, **para pelanggan dinasihatkan agar menggunakan medium komunikasi rasmi LPPSA** yang telah disediakan iaitu:

- a) Portal Pertanyaan/ Aduan Rasmi LPPSA eTiket di <https://etiket.lppsa.gov.my/>;
- b) Membuat semakan sendiri melalui LPPSA MY FINANCING (Mobile App) Panduan Pengguna boleh dirujuk di Laman Sesawang Rasmi LPPSA <http://www.lppsa.gov.my/en/media/aplikasi-mudah-alih/>; atau
- c) Semakan melalui Portal Permohonan Pembiayaan LPPSA di <https://lms.lppsa.gov.my/JACCESS/portal/>.

Sebarang maklumat terkini mengenai operasi LPPSA akan dimaklumkan dari semasa ke semasa di laman sesawang rasmi LPPSA, www.lppsa.gov.my dan Facebook Page LPPSA, [@OfficialPageLPPSA](https://www.facebook.com/OfficialPageLPPSA).

6 Januari 2021